

Tun M dan Saya

Tun Dr. Mahathir dari Kaca Mata Seorang Warga China

Xu Sizhong



2595
JS



Xu Sizhong

Pengarang buku ini ialah warga China. Tidak ramai yang tahu tentang hubungan persahabatan antara beliau dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad selama 24 tahun yang bagaikan hubungan bapa dengan anak. Dari kaca mata beliau, Tun Dr. Mahathir seorang yang genius, mahir dalam mengaplikasikan teknik seni perang Sun Tzu, dan hebat dalam taktik dan strategi. Di samping itu, gagasan pentadbiran negara Tun Dr. Mahathir adalah jauh ke depan.

Buku ini ditulis dari beberapa sudut pandangan yang berbeza, melalui kajian kes untuk mentafsirkan perasaan mendalam Tun Dr. Mahathir terhadap tanah airnya. Buku ini turut menerangkan dengan teliti tiga prinsip hidup Tun Dr. Mahathir: kehidupan yang teratur, pembelajaran yang teratur, dan kerja yang teratur. Selain itu, buku ini menerangkan gaya kerja Tun Dr. Mahathir yang serius, teliti, bekerja keras, tegas dalam perkataan dan perbuatan hingga setiap kata-katanya pasti akan dikotakan.

Buku ini merupakan sebuah karya untuk rakyat Malaysia yang pelbagai kaum, terutamanya generasi muda, bagi menyelami perasaan cinta yang tak terhingga tokoh kita, Tun Dr. Mahathir, terhadap negara.

7/11/2019

Tun M dan Saya

Tun Dr. Mahathir dari Kaca Mata Seorang Warga China

Xu Sizhong



PUSTAKA PERDANA



1012030



Sasbadi Sdn. Bhd. (139288-X)
 (Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad (1022660-T))
 Lot 12, Jalan Teknologi 3/4, Taman Sains Selangor 1,
 Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya,
 Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
 Tel: +603-6145 1188
 Faks: +603-6145 1199
 Laman web: www.sasbadisb.com
 e-mel: enquiry@sasbadi.com

Hak Cipta © Xu Sizhong
 Hak Cipta Terjemahan © Sasbadi Sdn. Bhd.
 Cetakan pertama 2018

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan memetik atau mencetak kembali mana-mana bahagian isi buku ini dalam bentuk apa jua dan dengan cara apa pun, baik secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau yang lain-lain sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

Diterjemahkan oleh: Sidang Penterjemah
 Editor: Mastura Abd. Basar
 Jurugambar kulit muka hadapan: Chen Mingxu

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Xu, Sizhong

Tun M dan Saya: Tun Dr. Mahathir dari Kaca Mata Seorang Warga China/
 Xu Sizhong; Penterjemah: Ku Teck Guan; Editor: Mastura
 Abd. Basar.

ISBN 978-983-77-0591-3

1. Mahathir Mohamad, -Tun, -1952-. 2. Prime ministers-Malaysia.

3. Politicians-Malaysia. 4. Political leadership-Malaysia.

5. Malaysia-Politics and government. I. Ku, Teck Guan.


II. Mastura Abd. Basar, 1976-. III. Judul.

IV. Judul: Terjemahan dari: Dun ma he wo.

923.2595

ISBN 978-983-77-0591-3

Dicetak di Malaysia oleh
 Vinlin Press Sdn. Bhd. (25680-X)
 No. 2, Jalan Meranti Permai 1
 Meranti Permai Industrial Park
 Batu 15, Jalan Puchong
 47100 Puchong, Selangor Darul Ehsan



PRAKATA

Pada 17 Mac 1995, saya telah diundang ke Pejabat Perdana Menteri Malaysia. Di sana, buat kali pertama, saya telah bertemu dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang keempat.

Saya masih ingat segala butiran pertemuan antara saya dengan Tun M sepanjang 24 tahun ini. Kami telah banyak kali berbincang, berjalan, dan makan bersama-sama. Babak-babak interaksi antara kami masih segar dalam ingatan saya. Kami menjadi sahabat yang akrab selama 24 tahun ini. Kami berbincang pelbagai topik, daripada perkara yang remeh tentang telur ayam hinggalah perkara serius tentang teknologi maklumat dan teknologi angkasa lepas.

Dari kaca mata saya, Tun M ialah seorang lelaki unggul. Beliau memiliki sifat bijak, berbudi bahasa, mesra, berani dalam berfikir, berani bertindak, berani meluahkan perasaan, dan lantang bersuara. Beliau juga seorang pemikir dan ahli politik yang berpembawaan seorang doktor. Masakan tidak, Tun M sememangnya seorang doktor perubatan selama 20 tahun, sebelum beliau menjadi Perdana Menteri. Dengan segala pengalaman yang ada, Tun M mentadbir sebuah negara hingga membolehkan Malaysia berubah daripada sebuah negara kecil kepada salah satu negara “Ekonomi Anak Harimau”.

Tun M juga merupakan Muslim yang taat dan menjalani hidup secara sederhana. Beliau memakai pakaian yang biasa, khususnya “pakaian menteri”, tetapi beliau berpenampilan sederhana. Meja pejabat beliau hanya sebuah meja kaca yang ringkas. Bagi beliau, kesederhanaan itu dapat mendorong beliau supaya “menyiapkan kerja hari ini pada hari ini juga”.

Cara Tun M bekerja juga agak istimewa dan boleh disimpulkan sebagai bersungguh-sungguh, teliti, rajin, dan menepati janji. Walaupun usianya sudah lanjut, tetapi pemikiran beliau masih cerdas dan tajam. Beliau bercakap dengan perlahan tetapi kata-katanya tepat pada tempatnya. Beliau berhujah dengan logik akal serta berdasarkan bukti saintifik.

Pemikiran beliau lebih ke depan daripada pemikiran pengasas Kumpulan Alibaba, Jack Ma. Tun M telah mengemukakan projek “Koridor Raya Multimedia” pada 20 tahun yang lalu bertujuan untuk menggunakan teknologi maklumat bagi memajukan ekonomi digital. Pada 18 Jun 2018, Jack Ma telah bertemu dengan Tun M. Pada pertemuan itu, Jack Ma memberitahu Tun M bahawa konsep “Koridor Raya Multimedia” sangat maju ke depan. Malah, Jack Ma memberitahu Tun M bahawa idea Kumpulan Alibaba diinspirasikan daripada projek “Koridor Raya Multimedia” Malaysia.

Jiwa Tun M sentiasa diletakkan pada negaranya. Beliau mengambil berat tentang petani, pembangunan luar bandar, bidang pertanian serta usaha penanaman padi. Selain itu, beliau turut bercita-cita untuk membina pangkalan pelancaran satelit di Malaysia. Langkah-langkah yang diambil oleh Tun M telah menjadi asas pembangunan ekonomi, pendidikan, dan sains negara yang kukuh. Walaupun beliau tiada pertalian darah dengan warga China, namun beliau mengambil perhatian terhadap salah satu warisan China, iaitu abakus. Beliau telah berulang kali menyeru pelaksanaan pendidikan abakus China di sekolah rendah semasa sidang Parlimen.

Kini, Tun M telah berusia 93 tahun. Beliau sebenarnya boleh berehat sahaja di rumah dan menikmati kehidupan selepas bersara dengan tenang. Namun, atas rasa prihatin terhadap kehidupan 30 juta rakyat Malaysia, selepas 15 tahun bersara, Tun M terjun ke gelanggang politik semula. Akhirnya, pakatan politik pimpinan Tun M memenangi Pilihan Raya Umum ke-14 pada 9 Mei 2018. Tun M menjadi Perdana Menteri semula dan merupakan pemimpin paling tua di dunia. Apa yang Tun M mahukan sebenarnya? Nama? Kuasa? Kepentingan?

Bukan! Tun M sanggup terjun ke kancah politik semula demi negara dan bangsa. Saya yakin, apabila Tun M menjadi Perdana Menteri buat kali kedua, lembaran baharu dalam sejarah Malaysia mula terbuka.

Saya tiada pertalian darah dengan Tun M dan saya bukan juga pegawai suruhannya. Secara jujur, sebelum saya diundang ke pejabat Tun M, saya memang tidak tahu siapa sebenarnya Tun M.

Hubungan persahabatan antara saya dengan Tun M adalah umpama hubungan bapa dengan anak. Hubungan kami semakin akrab mengikut peredaran masa. Semasa bertemu, kami berbincang pelbagai topik meliputi bidang pendidikan, sains dan sebagainya. Kami dapat berbual dengan mesra juga.

Daripada pertemuan sulung hinggalah persahabatan yang akrab pada hari ini, daripada satu cadangan kepada pelbagai cadangan, daripada kata-kata kepada interaksi mata, hubungan kami sebenarnya berteraskan satu misi dan tanggungjawab terhadap masyarakat serta penuh bermakna.

Buku ini mencatatkan jalinan persahabatan antara saya dengan Tun M selama 24 tahun! Selain itu, buku ini turut mencatatkan pemikiran dan prinsip Tun M sebagai pemimpin negara yang jarang-jarang diketahui umum.

Sepanjang proses menyiapkan buku ini, saya mendapat bantuan rakan-rakan antarabangsa. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada sahabat saya yang merupakan editor buku ini, Puan Yao Haiyan, atas panduan dan nasihat beliau. Selain itu, saya ingin juga mengucapkan terima kasih kepada Cikgu Fang Guoxiang kerana memberikan cadangan berguna dalam penghasilan buku ini.

Xu Sizhong
10 Julai 2018

KANDUNGAN

1

Lawatan Sulung ke Pejabat Perdana Menteri	1
Maklumat daripada Guru Tuisyen	5
Bermulanya di Sini	9
Tanpa Diduga	11
Lawatan Sulung yang Tidak Menjadi	15
Kegelisahan Menteri Pendidikan	18
“Penyeragaman Lima Aspek” Menarik Perhatian Perdana Menteri	20
Hubungan yang Terjalin Hasil daripada Abakus Kecil	25

2

Perdana Menteri Mengarahkan Polis Membuka Laluan	30
Manuskrip 1 Juta Perkataan Dihadiahkan kepada Perdana Menteri	32
Pertemuan Dramatik di Beijing	35
Perbincangan selama Tujuh Tahun yang Membuahkan Hasil	39
Pandangan yang Tinggi	43
Laporan Agensi Berita Xinhua	48
Bermain Sorok-sorok dengan Kanak-kanak	51
Murid China yang Menakjubkan	56

3

Hubungan Bapa dengan Anak	65
Peminat Kereta	69
Kopi, Minuman Kegemaran	73
Berpenampilan Sederhana	76
“Beban” yang Disembunyikan	81
Kedah, Kampung Halaman Saya	83
Mengundang Pakar Pertanian dari China	89
Harapan dalam Kerjasama Industri Tani Malaysia – China	95

4

Yayasan Kepimpinan Perdana	101
Digelar “Cakap Besar”	106
Pusat Pentadbiran di Hutan Rimba	109
Sahabat Lama yang Dihormati Warga China	113
Pemikiran Mendahului Zaman	116
Impian yang Indah	120
Melindungi Bumi Umpama Melindungi Diri	125

5

Tahun Baru Cina di Malaysia	129
Bapa Pemodenan yang Paling Dihormati	132
Rancangan Rapi untuk Jamuan	134
Jamuan Makan Malam ala Hidangan China	138
Anda Berani Menyatakan Perkara yang Benar	144
Berapakah Harga Sebiji Telur Ayam?	147
Makan secara Sederhana	149
Membina Jambatan di Selat Melaka	156

6

Pertemuan pada Hari yang Istimewa	160
Berbual-bual di Bangunan Pencakar Langit	162
Menghadiahi Tun M Sebuah Buku Seni Perang	168
Tun M Suka Membaca Buku <i>The Art of War</i>	173
Masih Sesuai Digunakan Hari Ini	178
Menang dengan Teori Sun Tzu	183
Minat yang Mendalam	188

7

Tempat yang Tidak Dikunjungi Tanpa Sebab	192
Idea Kreatif “Pendidikan Bersama”	196
Abakus Memerlukan Pengetahuan yang Banyak	200
Meminta Tunjuk Ajar	204
Tiga Amalan Ketat untuk Kesihatan	206
Tetap Berjalan dan Menunggang Kuda	211
Maksud Sebenar Tidur dan Diet	217
Mempunyai Mentaliti yang Baik	221

8

Dengan Kuasa Rakyat	224
Keluar daripada UMNO	228
Musuh kepada Musuh ialah Kawan	231
Tiga Kali Menasihati Tun M untuk Menjauhi Politik	233
Kembali ke Arena Politik	238
Suara Keramat Rakyat	242
Hanya Ingin Bersamamu	249

Pertemuan sulung saya dengan Tun Dr. Mahathir sungguh dramatik. Pertemuan itu berhasil setelah menempuh beberapa aral yang melintang. Namun, berlangsungnya pertemuan itu dalam suasana yang akrab dan mesra. Perbualan berlangsung seolah-olah kami sahabat karib yang tidak bertemu sekian lama.

Lawatan Sulung ke Pejabat Perdana Menteri

Saya masih ingat akan tarikh yang bermakna itu, 17 Mac 1995, hari Jumaat bersamaan dengan hari ketujuh belas, bulan kedua dalam kalendar Cina. Pada hari tersebut, saya diundang ke Pejabat Perdana Menteri Malaysia untuk bertemu dengan seorang tokoh yang tidak asing lagi di rantau Asia dan di pentas dunia, Perdana Menteri Malaysia yang keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Itulah pertemuan saya yang pertama dengan Tun Dr. Mahathir (Tun M). Sudah 24 tahun berlalu, namun detik pertemuan itu masih segar dalam ingatan saya, seolah-olah berlakunya semalam.

Pada masa itu, Pejabat Perdana Menteri terletak di sebuah bukit di tengah-tengah kota raya Kuala Lumpur. Pejabat itu berupa bangunan tiga tingkat dengan reka bentuk yang bercirikan seni bina Islam. Bangunan itu dibina pada tahun 1950-an. Bersebelahan dengannya terdapat bangunan yang berderet. Terdapat pagar besi

yang tinggi di sekitar kaki bukit, mengelilingi seluruh bukit dan Pejabat Perdana Menteri. Kawasan itu memang ketat kawalannya. Anggota polis yang lengkap bersenjata bersama-sama dengan anjing polis meronda kawasan pada setiap masa.

Jalan menuju ke Pejabat Perdana Menteri itu berturap tetapi bercerun dan sempit. Di sepanjang jalan tersebut, terdapat dua pos keselamatan. Pos yang pertama letaknya di kaki bukit serta dikawal oleh anggota polis yang bersenjata. Hanya kenderaan yang mendapat kelulusan Pejabat Perdana Menteri yang dibenarkan masuk dan akan melalui pemeriksaan untuk mengesan bahan letupan. Pos yang kedua pula letaknya di pintu masuk ke laman Pejabat Perdana Menteri. Sesiapa yang ingin masuk ke situ dikehendaki mengemukakan dokumen untuk tujuan pendaftaran dan akan melalui pemeriksaan keselamatan yang ketat.

Bangunan Pejabat Perdana Menteri tersergam megah di atas bukit yang penuh dengan kehijauan. Dari bangunan itu, dapat dinikmati pemandangan yang indah dengan pepohon hijau yang tinggi melangit serta bunga yang beraneka warna.

Setiausaha Tun M membawa saya ke tingkat dua pada pukul 11.05 pagi. Pada masa itu, kedua-dua daun pintu pejabat telah terbuka. Pintu yang setinggi kira-kira 2.5 meter dan setebal 12 cm itu, berwarna merah anggur, padat, dan teguh. Setiausaha Tun M memberitahu saya, “Inilah pejabat Perdana Menteri. Beliau sedang menunggu anda di dalam.”

Saya mengorak langkah masuk ke pejabat Tun M sambil mengukir senyuman. Tun M berdiri lebih kurang satu meter di sebelah kiri pintu. Beliau menghulurkan tangan kanannya sebaik-baik sahaja melihat saya. Kami berjabat tangan dengan mesra selama beberapa saat sebelum beliau meletakkan tangan kanan di bahagian dada sebagai tanda hormat.


Tun M memakai sepasang pakaian tradisional Melayu berwarna merah muda lengkap bersamping. Di dada beliau tersemat

tag nama. Beliau memakai kaca mata berbingkai warna emas. Pandangannya nampak tajam. Kulit beliau agak gelap, namun wajah beliau tampak cerah berseri. Penuh sopan dan berbudi bahasa orangnya.

Melalui pertemuan itu, saya diberitahu oleh setiausaha Tun M bahawa Tun M akan memakai pakaian tradisional Melayu apabila menghadiri acara penting. Begitu juga halnya semasa bertemu dengan tetamu penting.

Semasa pertemuan itu, saya memakai sut berwarna kelabu muda era 1990-an yang mempunyai 4 baris butang dengan kolarnya yang besar. Saya juga mengenakan tali leher bercorak berwarna ungu biru. Walaupun itu bukan fesyen terbaharu, tetapi masih nampak sopan dan formal. Saya masih muda pada masa itu, penuh bersemangat, berambut pendek dan berdahi luas. Oleh sebab bulu kening saya tebal dan panjang, Tun M ada berseloroh bahawa kening saya menyerupai kening mantan Perdana Menteri Jepun, Tomiichi Murayama.

Hiasan dalaman serta perabot di pejabat Tun M sederhana saja. Ruang pejabat seluas kira-kira 150 meter persegi itu lantainya dihiasi permaidani yang berwarna krim. Di sebelah kiri pejabat terdapat sebuah meja kayu lama yang menempatkan pelbagai dokumen, fail, dan buku. Di kiri meja itu diletakkan sebuah model pesawat terbang. Di belakang meja, ada deretan rak buku yang kemas sepanjang kira-kira 20 meter dan dipenuhi pelbagai buku serta foto peribadi beliau dengan Tun Dr. Siti Hasmah. Sebatang penyangkut pakaian diletakkan di sebelah kanan pintu. Sehelai sut berwarna gelap gaya lama tergantung di situ. Di suatu sudut pejabat itu ada satu set sofa fabrik berwarna kuning air yang dapat diduduki sepuluh orang. Dinding kiri dan kanan pejabat dilapisi kertas dinding berwarna putih susu pada bahagian atasnya. Manakala bahagian bawahnya pula dilapisi kayu bercorak warna coklat kemerah-merahan. Dinding yang menghadap pintu masuk dipenuhi dengan kabinet yang rendah. Bahagian atas kabinet dibarisi berbelas-belas tingkap kaca yang agak kecil. Bahagian



Pertemuan sulung saya dengan Tun Dr. Mahathir sungguh dramatik. Pertemuan itu berhasil setelah menempuh beberapa aral yang melintang. Namun, berlangsungnya pertemuan itu dalam suasana yang akrab dan mesra. Perbualan berlangsung seolah-olah kami sahabat karib yang tidak bertemu sekian lama.



SASBADI SDN. BHD. (139288-X)

(Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad (1022660-T))

Lot 12, Jalan Teknologi 3/4, Taman Sains Selangor 1,
Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel: +603-6145 1188 Faks: +603-6145 1199

Laman web: www.sasbadi.com

e-mel: enquiry@sasbadi.com



Sasbadi Group

ISBN 978-983-77-0591-3



9 789837 705913

Harga: RM 39.00

Tun M dan Saya